



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **“JOM TENGOK BOLA” - UNITI BERSAMA HARIMAU MUDA**

#### **SEMARAKKAN PERPADUAN MELALUI SUKAN**

---

**19 Mei 2022**, Shah Alam – YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara hari ini turut bersama-sama dengan lebih 300 orang pengunjung di Restoran Hakim, Shah Alam dalam Program “Jom Tengok Bola” - Uniti Bersama Harimau Muda untuk memberi sokongan kepada Pasukan Harimau Muda dalam aksi separuh akhir Bola Sepak Sukan SEA menentang Vietnam.

2. Program “Jom Tengok Bola” - Uniti Bersama Harimau Muda anjuran bersama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Astro Awani ini merupakan program yang julung kali dianjurkan oleh KPN sebagai usaha untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia melalui sukan, iaitu salah satu tapak integrasi nasional dalam menyatukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

3. Kehadiran pengunjung daripada pelbagai kaum yang memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada pasukan bola sepak negara menggambarkan semangat kenegaraan dan kesepaduan yang tinggi. Program ini juga turut dimeriahkan dengan aktiviti-aktiviti menarik seperti cabutan bertuah dan cabaran timbang bola.

5. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan dengan kerjasama lebih banyak pihak bagi menyemarakkan semangat perpaduan melalui sukan yang merupakan satu wadah dalam merapatkan hubungan Keluarga Malaysia.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

19 Mei 2022

-TAMAT-

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (127)